

PM: Cepat bayar kontraktor

P U T R A J A Y A 2 Okt - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tidak ada sebab jabatan kerajaan tidak boleh mempercepat pembayaran kepada kontraktor kerana wang tersebut adalah hak mereka yang telah melaksanakan kerja dan perkhidmatan.

Sambil mengarahkan supaya pembayaran dilakukan segera, Perdana Menteri berkata, kelewatan pembayaran hanya akan menyebabkan banyak pihak menderita.

"Saya nak ingatkan apa yang bersangkutan dengan kementerian dan agensi pusat seperti Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), tolong ingatkan jabatan kerajaan lain... keluarkan bayaran dengan cepat.

"Jangan tunggu lagi. Kita perlu keluar-

Tidak ada satu sebab kenapa ia tidak perlu dipercepatkan sebab wang itu menjadi hak orang yang telah pun buat kerja dan beri khidmat serta buat pembekalan

kan pembayaran untuk perkhidmatan dan bekalan yang telah diberikan.

"Tidak ada satu sebab kenapa ia tidak perlu dipercepatkan sebab wang itu menjadi hak orang yang telah pun buat kerja dan beri khidmat serta buat pembekalan," ujarnya.

Menurut Abdullah, perkara itu menjadi kontrak 'jual beli' antara pemberi khidmat dan mereka yang menerimanya.

"Itulah kontrak antara yang beri dan memerlukan. Kontrak jual beli ini adalah penting, ini tanggungjawab kerana sebagai orang Islam dan walau agama apa pun, janji mesti dipatuhi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan

**ABDULLAH
AHMAD BADAWI**
Perdana Menteri

Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd. Sidek Hassan.

Menurut Perdana Menteri, jika pembayaran lambat dilakukan, ia akan menyebabkan banyak bil tidak berbayar, sekali gus menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan mereka yang terlibat.

"Apa kita harapkan, berilah bayaran seperti mana mereka harapkan daripada kita. Kita tak mahu nanti banyak sangat bil tak bayar, tak mahu nanti dimarahi oleh mereka.

"Kalau lewat, kontraktor tak dapat bayaran, bank tak dapat wang balik, pembekal yang bekalkan barang keperluan pembangunan juga lambat dapat bayaran.

"Ini bersangkutan-sangkut. Keluarkan bayaran dengan cepat, jangan tunggu lagi," katanya.